



PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	10/2/2012

## Nafi Dr. Mahathir syor lantik Tengku Mahaleel

KUALA LUMPUR 9 Feb. - DRB-HICOM Bhd. (DRB-HICOM) tidak pernah mengesahkan mana-mana individu yang bakal mengetuai barisan pengurusan Proton Holdings Bhd. (Proton) seperti yang dilaporkan media.

Pengarah Urusannya, Datuk Seri Mohd. Khamil Jamil berkata, segala keputusan mengenai pengurusan, hala tuju dan sebagainya mengenai Proton hanya akan diumumkan sebaik sahaja mesyuarat agung luar biasa (EGM) pada awal Mac ini.

"Saya sedar dan sentiasa mengikut pelbagai spekulasi mengenai Proton di media. Mereka boleh berkata apa pun tetapi saya dari DRB-HICOM dan saya tidak mengesahkan apa-apa pun.

"Kumpulan sudah melabur banyak di Proton, keputusan tidak boleh terburu-buru, kita tunggu dulu sehingga EGM berlangsung nanti," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara International College of Automotive (Icam) dengan Liverpool John Moores University (LJMU) di sini hari ini.

Ditanya tentang dakwaan bahawa Dr. Mahathir Mohamad yang



MOHD. Khamil Jamil (tengah) menyaksikan pertukaran dokumen antara Ketua Pegawai Operasi Kumpulan DRB-HICOM, Datuk Lukman Ibrahim dengan Naib Pro Canselor LJMU, Michele Ibbs, semalam.

mencadangkan Tengku Mahaleel Tengku Ariff untuk kembali semula ke Proton, beliau menafikan dan

tidak tahu menahu tentangnya.

"Saya ada bertemu Dr. Mahathir beberapa kali dan beliau tidak per-

nah berkata apa-apa atau mencadangkan individu tertentu kepada saya," jelasnya.

Beliau berkata, DRB-HICOM mempunyai perancangan besar di Proton dan pengambilan alih itu bukan kerana mahu menggunakan kilang di Tanjung Malim secara maksimum seperti didakwa sesengah pihak.

"Saya melihat ke arah pembuatan kereta baharu dan bukannya 're-badge' di Proton. Bertindak sebagai pemasang kenderaan semata-mata adalah tindakan kurang bijak.

"Operasi Proton akan berjalan seperti biasa jika tidak bertentangan dengan Kumpulan. Produk baharu mereka yang akan dilancarkan tidak lama lagi juga tidak akan diganggu," katanya.

Ditanya mengenai status Lotus, Mohd. Khamil berkata sebarang kemungkinan boleh berlaku sama ada dikedalkan atau tidak dan ia bergantung kepada kajian yang dilakukan nanti.

"Saya masih tidak tahu status kewangan, masalah, perancangan dan produk baharu Lotus lagi. Saya tidak boleh menjualnya jika tidak tahu potensinya.

"Saya banyak dengar cakap-cakap ada syarikat mahu membelinya, tetapi setakat ini tiada tawaran rasmi. Jika ada, akan dipertimbangkan," ujarnya.